



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
29 JULAI 2019 (ISNIN)**



**DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



KERATAN AKHBAR

29 JULAI 2019 (ISNIN)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Dua pontun di Sungai Selangor ditarik keluar
MUKA SURAT	6

Dua pontun di Sungai Selangor ditarik keluar

Shah Alam: Dua pontun untuk mengorek dan menyedut pasir yang terbabit dengan siasatan kejadian pencemaran diesel di Sungai Selangor, sudah ditarik keluar, kelmarin.

Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata semua pontun itu yang tidak lagi beroperasi di sungai itu, ditarik keluar Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), selepas mendapat kebenaran Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"PDRM sudah membenarkan pontun yang tidak beroperasi ini ditarik keluar selepas siasatan kes pencemaran Sungai Selangor selesai dijalankan.

"Sebelum ini, kita tidak dapat menarik pontun keluar kerana PDRM masih menjalankan siasatan.

"Kita juga bersetuju menguatkuasakan atau ketatkan lagi prosedur operasi standard (SOP) supaya pontun sudah tidak beroperasi ditarik keluar," katanya selepas menghadiri Majlis Perdana Agihan Lembu Korban peringkat Selangor 2019 di Kompleks Belia & Kebudayaan, di sini, semalam.

+ Amirudin berkata, adalah tidak wajar menyalahkan sistem pontun sebagai punca pencemaran Sungai Selangor.

"Operasi cuci gali sungai di bawah permik KSSB menggunakan kaedah pontun bermula sejak 2009 dan pontun terbabit dalam insiden pencemaran Sungai Selangor sudah beroperasi sejak 2013, tanpa sebarang masalah.

"Dalam kes pencemaran Sungai Selangor, tumpahan minyak dilihat seperti disengajakan atau khianat oleh individu tidak bertanggungjawab," katanya.

Kelmarin, KSSB memaklumkan tiada sebarang insiden pencemaran pernah berlaku sejak pontun milik Two B Machineries, kontraktor KSSB, beroperasi di Sungai Selangor, enam tahun lalu.

Pengurus Kanan Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Korporat KSSB, Abd Wahab Nordin, berkata operasi cuci gali di Sungai Selangor menerusi kaedah pontun bermula pada 2009.

**Kita juga
bersetuju
menguatkuasakan atau
ketatkan lagi prosedur
operasi standard (SOP)
supaya pontun sudah
tidak beroperasi
ditarik keluar.**

*Amirudin Shari,
Menteri Besar Selangor*



KERATAN AKHBAR 29 JULAI 2019 (ISNIN)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	PKNS sasar jualan ekspo RM60 juta
MUKA SURAT	21

PKNS sasar jualan ekspo RM60 juta

Tawaran rebat,
diskaun khas
siri kedua
pacu sasaran

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyasarkan jualan RM60 juta sepanjang pengarungan ekspo Koleksi Hartanah PKNS siri kedua 2019 yang bermula Jumaat lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohd Azizi Mohd Zain, sasaran itu adalah lebih tinggi berbanding siri pertama yang diadakan pada Mac lalu yang hanya berjaya mencatat jualan sebanyak RM10 juta.

Katanya untuk siri kedua ini, PKNS yakin sasaran itu mampu dicapai bersandarkan tawaran menarik diberi kepada bakal pembeli, termasuk rebat dan diskauan khas.

"Menariknya pada ekspo kali ini, kami menawarkan diskauan tambahan sebanyak RM5,500 kepada 55 pembeli terawal sempena ulang tahun PKNS ke-55 pada 1 Ogos ini.

"Bukan itu sahaja, rebat sehingga 20 peratus turut ditawarkan kepada pembeli, selain



Mohd Azizi (dua dari kanan) melihat replika projek perumahan selepas majlis pelancaran ekspo Koleksi Hartanah PKNS siri kedua 2019 di Shah Alam.

(Foto Saddam Yusoff/BH)

percuma kos guaman perjanjian jual beli (SPA) dan duti setem memorandum pertukaran," katanya pada majlis pelancaran ekspo itu di Shah Alam.

Ekspo selama 10 hari itu menawarkan kira-kira 2,500 unit kediaman milik PKNS dan anak syarikatnya dengan harga bermuila dari RM200,000 seunit sehingga RM3 juta seunit bergantung kepada jenis, saiz dan lokasi hartanah.

Mengulas lanjut Mohd Azizi berkata, PKNS juga memeterai kerjasama dengan Maybank Bhd dalam pelaksanaan Skim Smart Selangor First Home Buyer.

"Skim yang diilhamkan oleh kerajaan negeri Selangor ini adalah skim bantuan pinjaman untuk memudahkan rakyat Selangor, yang mana pihak Maybank akan menyediakan pembiayaan sebanyak 90 peratus, manakala

kerajaan negeri akan memberi bantuan pembiayaan sebanyak 10 peratus dengan PKNS dilantik sebagai agensi pelaksana skim ini."

"Skim ini adalah insentif pembiayaan pinjaman 100 peratus pada kadar faedah rendah untuk lapan tahun pertama. Ini akan memudahkan pembeli untuk mendapatkan pinjaman, seterusnya memiliki rumah ida-

man mereka.

"Ia terbuka kepada pembeli Rumah Selangorku (RSKU) dibangunkan oleh PKNS dan anak syarikat PKNS yang terletak di Selangor Cyber Valley (SVC), Antara Gapi, Kota Puteri, Klang dan Kampung Sri Temenggung Gombak," katanya.

Permohonan hanya boleh dibuat di cawangan Maybank Seksyen 14, Shah Alam.



KERATAN AKHBAR

29 JULAI 2019 (ISNIN)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	Work to mitigate floods underway
MUKA SURAT	4



Chua (right) and Hasrul visiting the site of the river upgrading project.

A stream that leads to Sungai Gong is blocked by concrete from a damaged bridge.

By CHRISTINA LOW
christinalow@thestar.com.my

THE latest flooding incidents along Jalan Kawasan Perindustrian Rawang, Selangor was the last straw for residents who took to social media to complain.

Many left messages on Rawang assemblyman Chua Wei Kiat's Facebook page, asking him to come up with a solution.

Floodwaters covered parts of the main road near Aeon Rawang affecting a row of furniture shops and a petrol station.

Chua visited the site with personnel from the Selayang Municipal Council (MPS), Selangor Drainage and Irrigation Department (DID) and Public Works Department (JKR) to check on the situation.

The two-way stretch, which is undergoing road widening works, also causes severe traffic congestion during peak hours.

"The area has suffered flash floods many times but the most recent ones were not as bad as previously."

"We admit we need to improve several areas in order to solve this issue," said Chua.

Currently, JKR is widening Jalan Kawasan Perindustrian Rawang

Work to mitigate floods underway

Rawang rep: Situation will improve after road and river upgrading projects are completed

and upgrading Sungai Gong but the project will only be fully completed in 2021.

"We will see improvements once certain phases are completed," said Chua.

Meanwhile, MPS was also upgrading a retention pond nearby to cope with ongoing developments in Rawang.

The works which involve widening and deepening the existing water retention pond, will be completed in September.

Plans are also underway for a "missing link" on Jalan B27.

Chua is working with the state and Federal Government to seek approval to upgrade the 2km link

and a river under the 12th Malaysia Plan.

Bandar Country Homes resident Wan Iblul Bahar agreed that floodwaters subsided faster after the upgrading works.

Chua also visited a stream which flows into Sungai Gong near the Rawang toll which was said to be the cause of frequent flooding near the exit.

He found out that the concrete bridge connecting the main road to a factory site was badly damaged.

Rubbish and concrete blocks had also fallen into the stream, covering several water outlets that obstructed the water flow.

JPS Gombak district engineer

Hasrul Hisham Abdullah said the bridge would have to be demolished.

"We need to check who built the bridge and if it is legal.

"If it is illegally built, then we will tear it down," he said.

When asked how he was coping with the nasty messages left by social media users, Chua said, "Every time it rains, I am prepared to face the people who will be complaining."

He said the residents and motorists need to be patient as it would take time to solve such issues.

"Once this project is completed, I am sure everything will be okay," added Chua.



KERATAN AKHBAR

29 JULAI 2019 (ISNIN)



AKHBAR	SINAR
TAJUK BERITA	MDHS akan ambil tindakan
MUKA SURAT	13

MDHS akan ambil tindakan

SHAH ALAM - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) akan mengambil tindakan penguasaan dalam masa terdekat berhubung kewujudan sekolah yang dipercaya diterajui oleh pelarian Pakistan di negara ini.

Setiausaha MDHS, Awaluddin Zakaria berkata, buat masa ini pihaknya tidak pernah menerima sebarang permohonan berhubung pembinaan sekolah berkenaan di premis perniagaan di Bukit Sentosa, Bukit Beruntung.

"Oleh itu, tindakan penguasaan bersepdu bersama

agensi terlibat akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Bahkan kebenaran untuk mendirikan sekolah agama perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)," katanya dalam satu kenyataan kepada *Sinar Harian*.

Sementara itu, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor ketika dihubungi menyatakan, status sesebuah insti-



AWALUDDIN

tusi milik pelarian perlu didaftarkan di bawah nama pusat bimbingan.

Menurut kenyataan berkenaan, pihak yang menerajui institusi berkenaan harus membuat permohonan terus ke Bahagian Pendidikan Swasta (BPS) Kementerian Pendidikan.

"Peneraju kategori pendidikan boleh dapatkan khidmat bantu di BPS, Kementerian Pendidikan," katanya.



Kelbat kanak-kanak warga Pakistan yang keluar dari premis dipercaya sekolah untuk komuniti berkenaan.



KERATAN AKHBAR 29 JULAI 2019 (ISNIN)



AKHBAR	SINAR
TAJUK BERITA	MB nafi lambat tangani isu sungai tercemar
MUKA SURAT	33

MB nafi lambat tangani isu sungai tercemar

SHAH ALAM - Kerajaan negeri bertindak pantas menyelesaikan isu pencemaran air mentah Sungai Selangor berikutan tumpahan diesel minggu lepas, sekali gus menafikan dakwaan pihaknya lambat bertindak dalam isu itu.

Menyertai acara melihat lembu korban yang akan diagihkan sempena Hari Raya Aidiladha di hampiran Kolam Hang Tuah, Amirudin berkata, tindakan segera diambil dengan mengambil sampel air serta langkah-langkah berkanan untuk menangani isu tersebut.

"Saya tidak pasti di mana lewatnya. Saya akan dapatkan kepastian tentang (dakwaan) kelewatan itu."

"Kalau kita tak bertindak segera, minyak itu dah masuk ke dalam kolam takungan," katanya pada Program Serahan Perdana Lembu Korban Peringkat Negeri Selangor di Dewan Raja Muda Musa, Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor di sini semalam.

Beliau berkata, isu pencemaran itu tidak boleh ditumpukan kepada kewujudan dua pontun di kawasan Sungai Selangor ber-



Amirudin melihat lembu korban yang akan diagihkan sempena Hari Raya Aidiladha.

hampiran Kolam Hang Tuah sepenuhnya.

"Pontun itu sudah beroperasi di situ sejak 2009. Ini kejadian pertama dan kita tidak boleh salahkan kepada pontun sahaja kerana sebelum ini ada macam-macam masalah lain.

"Pada mata kasar saya, kejadian ini bukan isu kecuaian namun biarlah polis yang siasat. Jika ada unsur cuai, tindakan selanjutnya akan diambil," katanya.

Bagi mengelak pencemaran berulang, beliau setuju sekiranya prosedur operasi standard diperketatkan.

Dalam perkembangan sama Amirudin berkata, pontun yang tidak beroperasi itu sudah dikeluarkan semalam dan perkara itu dimaklumkan Kumpulan Semesta Sdn Bhd selepas mendapat kebenaran polis.

"Sebelum ini pontun itu belum dibenarkan untuk ditarik keluar bagi membolehkan polis menjalankan siasatan," katanya.

Kelmarin, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A Xavier Jayakumar mengingatkan semua kerajaan negeri untuk mengambil serius langkah mengatasi isu pencemaran sungai.



KERATAN AKHBAR 29 JULAI 2019 (ISNIN)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	PKNS sasar jualan RM60juta
MUKA SURAT	31

Shah Alam: Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menasarkan jualan RM60 juta sepanjang penganjuran ekspo Koleksi Hartanah PKNS siri kedua tahun 2019 yang bermula Jumaat lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohd Azizi Mohd Zain berkata, sasaran itu lebih tinggi berbanding siri pertama yang diadakan pada Mac lalu yang hanya berjaya mencatat jualan sebanyak RM10 juta.

Katanya, untuk siri kedua ini, PKNS yakin sasaran itu mampu dicapai bersandarkan tawaran menarik diberi kepada pembeli termasuk rebat dan diskaun khas.

"Menariknya pada ekspo kali ini, kami menawarkan diskaun tambahan sebanyak RM5,500 kepada 55

PKNS sasar jualan RM60 juta



MOHD Azizi (kanan) melihat replika rumah pada majlis pelancaran Koleksi Hartanah PKNS Siri 2 tahun 2019 di Kompleks PKNS. H-M(31)

pembeli terawal sempena ulang tahun PKNS ke-55 pada 1 Ogos depan.

"Bukan itu saja, rebat se-

hingga 20 peratus turut ditawarkan kepada pembeli selain kos guaman perjanjian jual beli (SPA) dan duti

setem memorandum pertukaran percuma," katanya pada majlis pelancaran ekspo itu.

Ekspo selama 10 hari itu menawarkan 2,500 unit kediaman milik PKNS dan anak syarikatnya dengan harga bermula dari RM200,000 seunit sehingga RM3 juta seunit bergantung kepada jenis, saiz dan lokasi hartanah.

Mengulas lanjut, Mohd Azizi berkata, PKNS juga memeterai kerjasama dengan Maybank Bhd dalam pelaksanaan Skim Smart Selangor First Home Buyer.

Permohonan hanya boleh dibuat di cawangan Maybank Seksyen 14, Shah Alam.



KERATAN AKHBAR 29 JULAI 2019 (ISNIN)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Dua pontun ditarik keluar dari sungai
MUKA SURAT	16

PENCEMARAN SUNGAI SELANGOR

Dua pontun ditarik keluar dari sungai

■ Arahān dikeluarkan selepas polis selesai jalankan siasatan

Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam H.M (16)

Dua pontun bagi kerja mengorek dan menyedut pasir milik kontraktor Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) yang dikaitkan dengan pencemaran diesel di Sungai Selangor sudah dibawa keluar, kelmarin.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, pontun itu ditarik keluar dari sungai selepas polis selesai menjalankan siasatan terhadap struktur berkenaan.

"Walaupun sudah dikeluarkan arahan untuk menarik keluar pontun itu, ia tidak dapat dilakukan sebab polis masih menjalankan siasatan, namun ia sudah dibawa keluar, semalam (kelmarin).

"Operasi cuci gali sungai dibawah permit KSSB menggunakan kaerah pontun bermula sejak 2009 dan pontun yang terbabit dengan insiden ini sudah beroperasi sejak 2013 sebarang masalah."

"Tumpahan minyak dari pontun itu kelihatan seperti disengajakan atau khianat oleh individu tidak bertanggungjawab," katanya.

Beliau berkata demikian



PENCEMARAN air di Sungai Selangor menyebabkan empat Loji Rawatan Air dihenti tugas.

Reman dilanjut sehari

Shah Alam: Tempoh reman terhadap seorang pengusaha pontun dilanjutkan sehari lagi untuk membantu siasatan kes pencemaran diesel di Sungai Selangor, baru-baru ini.

Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Jamaludin berkata, reman lelaki berusia 30-an itu dilanjutkan hingga hari ini.

"Seorang lagi pekerja yang ditahan sebelum ini bersama pengusaha pontun itu dibebaskan dengan jaminan polis, hari ini (semalam).

"Setakat ini, tiada tangkapan baharu dan siasatan lanjut dijalankan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Terdahulu, kedua-dua lelaki terbabit ditahan Rabu lalu dan direman empat hari hingga semalam.

Noor Azam berkata, hingga kini polis merekodkan lebih 10 keterangan membabitkan kes berkenaan.

dalam sidang media selepas Majlis Serahan Perdana Agihan Lembu Korban Peringkat Negeri Selangor Tahun 2019 di sini, semalam.

Terdahulu, Amirudin mengarahkan pontun itu dibawa keluar dari sungai berkenaan selepas empat Loji Rawatan Air (LRA) dihenti tugas bagi mengelak tragedi sama berulang.

Mengulas lanjut, Amirudin tidak menyalahkan sistem pontun kerana mengakibatkan pencemaran kerana ia tidak pernah menimbulkan masalah sepanjang pengoperasian sebelumnya ini.



KERATAN AKHBAR 29 JULAI 2019 (ISNIN)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Serah 1,200 lembu RM6.45 juta
MUKA SURAT	28

Serah 1,200 lembu RM6.45 juta

■ 9 GLC kerajaan negeri Selangor sumbang ternakan kepada masjid, surau sempena Aidiladha

Norzamira Che Noh
am@metro.com.my

Shah Alam H.M (28)

Kerajaan negeri menyerahterahkan 1,200 lembu bernilai RM6.45 juta kepada pengurusan masjid dan surau seuruh Selangor sempena sambutan Aidiladha tahun ini.

Menyatakan demikian Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, lembu berkenaan adalah sumbangan daripada sembilan anak syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Selangor.

"Ia membabitkan kerjama Menteri Besar Diperbadanan (MBI), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Worldwide Holdings (WHD), Kumpulan Darul Ehsan Bhd (KDEB), Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), Perbadanan Kemajuan Per-

“Sumbangan ini adalah inisiatif kerajaan bagi memastikan segenap lapisan masyarakat, khususnya yang kurang berkemampuan dapat melaksanakan ibadat korban”

Amirudin

tarian Selangor (PKPS), Kumpulan Perangsang Selangor, Permodalan Nasional Selangor Berhad (PNSB) dan Central Spectrum.

"Sumbangan lembu korban ini adalah inisiatif kerajaan bagi memastikan segenap lapisan masyarakat, khususnya yang kurang berkemampuan dapat melaksanakan ibadat korban," katanya ketika berucap dalam Majlis Serahan Perdana Agihan Lembu Korban Peringkat Negeri Selangor Tahun 2019, semalam.



AMIRUDIN (kiri) melihat lembu yang diserahkan sempena Majlis Serahan Perdana Agihan Lembu Korban Peringkat Negeri Selangor Tahun 2019, semalam.

Negeri Selangor Tahun 2019 di Dewan Raja Muda Musa Kompleks Belia dan Kebudayaan di sini, semalam.

Amirudin berkata, pemberian lembu itu juga adalah kelaziman dan tradisi tahun sebelum ini yang mana ia menyaksikan komitmen kerajaan dalam menzahirkan rasa kasih dan sayang serta sikap peduli rakyat yang sentiasa memberikan sokongan padu terhadap pentadbiran negeri.

Katanya, semua pihak terbabit juga diminta menjaga dan mengekalkan keharmonian kaum serta sentiasa menyemai semangat pengorbanan, bertepatan dengan tuntutan agama.

"Sempena Aidiladha, saya menyeru semua pihak supaya saling merapatkan sauhwah dan mengekalkan perpaduan di Selangor yang terkenal dengan masyarakat majmuknya," katanya.



KERATAN AKHBAR

29 JULAI 2019 (ISNIN)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	50 perangi denggi
MUKA SURAT	27

Mohd Firdaus Ibrahim
firdaus_ibrahim@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Peningkatan kes demam denggi yang semakin membumbangkan khususnya di Lembah Klang mendorong pelbagai pihak mengambil inisiatif membersihkan kawasan perumahan mereka.

Semalam, lebih 50 penduduk di Lorong Mewah 8, 9 dan 10, Bandar Tun Razak dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Persatuan Sahabat Jiwa Murni Kuala Lumpur (PSJMKL) serta Pejabat Kesihatan Cheras mengadakan Program Gotong-Royong Basmi Aedes Cegah Denggi bagi membersihkan kawasan perumahan mereka.

Ketua Cabang PKR Bandar Tun Razak Azman Abidin berkata, program sedemikian perlu diteruskan kerana kawasan perumahan itu dikategorikan sebagai lokasi hotspot denggi.



PENDUDUK bergotong-royong membasmikan aedes untuk mencegah denggi di Bandar Tun Razak.

50 perangi denggi H.M (27)

■ Penduduk bergotong-royong musnah sarang nyamuk aedes

"Selain membersihkan kawasan sekitar, saya seru pemilik dan penghuni (rumah) supaya menjaga kebersihan di dalam rumah masing-masing. Kita sibuk bersih kawasan luar tetapi rumah sendiri jadi sarang aedes maka masalah ini tidak akan

selesai.

"Semua (penduduk) perlu menjalankan peranan masing-masing dan bersama dalam membantera pemularan denggi," katanya yang mewakili Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Kamardin Jaffar untuk me-

rasmikan program berkenaan.

Terdahulu dalam ucapannya, Azman berkata, beberapa kawasan di Bandar Tun Razak termasuk Lorong Mewah menjadi kawasan hotspot denggi.

Katanya yang memberita-

hu kategori hotspot dikelaskan berdasarkan dua kes yang dilaporkan berlaku dalam masa tujuh hari.

"Ini tidak boleh diblarkan, jadi kita perlu berusaha dan bekerjasama dengan semua pihak bagi menanganiinya," katanya, pihaknya akan

menggerakkan badan bukan kerajaan (NGO) dan DBKL serta pihak berkaitan untuk memperbanyakkan program seumpama itu.

Tambahnya, selain memerangi penularan denggi, program sedemikian mampu mengeratkan silaturahim antara penduduk sekitar.

Untuk rekod, kes denggi di seluruh negara terus meningkat dengan keseluruhan 75,913 kes dilaporkan selain 108 kematiandirekodkan sehingga kelmarin.

Statistik berkenaan dikeluarkan Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan (CPRC), Kementerian Kesihatan yang dimuat naik menerusi laman rasminya, <http://idengue.remotessensing.gov.my>.

Menurut data yang dikeluarkan itu, Selangor terus mendahului dengan 42,700 kes dilaporkan diikuti Kuala Lumpur (8,545), Johor (6,373), Pulau Pinang (3,258), Sabah (3,050), Kelantan (2,549), Perak (1,903), Negeri Sembilan (1,404), Melaka (1,264), Kedah (1,158), Sarawak (1,118), Pahang (1,119), Putrajaya (824), Terengganu (384), Perlis (238) dan Labuan (26).